



NOTIS PEMBERITAHUAN

KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) - FASA 1 *****

KEPADA : SEMUA SEKTOR-SEKTOR PEMBUATAN, PEMBINAAN,
PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN YANG BERLESEN
DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH TANGKAK

TARIKH : 20 OGOS 2021

MAKLUMAN TERKINI

Menerusi kenyataan media YAB Perdana Menteri Malaysia pada 15 Ogos 2021 menyatakan bahawa Kerajaan bersetuju membenarkan semua aktiviti tidak perlu (non-essential) dalam sektor-sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian kembali beroperasi bermula 16 Ogos 2021 di negeri Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 PPN dengan berpandukan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Namun kapasiti pengoperasian adalah bergantung kepada kadar vaksinasi lengkap pekerja.

| SEKTOR PEMBUATAN DAN PEMBINAAN | |
|---------------------------------|------------------------|
| Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja | Kapasiti Pengoperasian |
| 40% | 60% |
| 60% | 80% |
| 80% | 100% |

| SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN | |
|-------------------------------------|------------------------|
| Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja | Kapasiti Pengoperasian |
| 60% | 80% |
| 80% | 100% |

Penting untuk dijelaskan, pihak majikan perlu memastikan bahawa pengoperasian bagi sektor-sektor tersebut **mematuhi kadar vaksinasi lengkap yang telah ditetapkan dan ujian RTK ke atas pekerja perlu dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung oleh majikan.**

Di samping itu, pihak majikan perlu mengisytiharkan kadar vaksinasi lengkap pekerja melalui **Sistem CIMS 3.0** dan memuat turun surat kebenaran yang dikeluarkan oleh pihak MITI

Sekiranya terdapat ketidakpatuhan SOP, **tindakan penguatkuasaan yang tegas akan diambil dan bersesuaian termasuklah menutup premis atau menghentikan operasi berkenaan.**

Sekian, Harap Maklum

MAJLIS DAERAH TANGKAK